

22/07/1998

Majikan benar potong gaji labur Asnita

Noorwati Salleh

KUANTAN, Selasa - Pelaburan Skim Amanah Saham Wanita (Asnita) dijangka terus meningkat berikutan ada majikan di jabatan dan agensi kerajaan, pihak swasta dan institusi kewangan di seluruh negara membenarkan kakitangan mereka membuat potongan gaji untuk melabur dalam skim itu.

Ini menunjukkan pihak majikan sudah memberi peluang kepada kakitangannya menambah pelaburan pokok setiap bulan dan seterusnya dapat meningkatkan lagi pelaburan Asnita.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata pihak pengurusan Asnita juga sudah mendapat kebenaran daripada Biro Angkatan Koperasi Kebangsaan (Angkasa) bagi membolehkan kakitangan kerajaan membuat potongan gaji.

"Setakat ini, sudah ada beberapa jabatan dan agensi kerajaan serta pihak swasta membenarkan kakitangan mereka menambah pelaburan Asnita melalui potongan gaji setiap bulan.

"Ini adalah satu perkembangan yang baik, walaupun negara menghadapi masalah ekonomi, masih ada pihak sanggup membantu kita untuk mengukuhkan lagi kedudukan Asnita," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Baiti Jannati (Rumahku Syurgaku) anjuran bersama Pergerakan Wanita Paya Besar, Pejabat Agama Islam Daerah Kuantan dan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) di sini, hari ini.

Menurutnya, masih ada beberapa majikan sedang berunding dengan pihak pengurusan Asnita untuk melaksanakan kaedah yang sama, demi menjaga kepentingan kakitangan masing-masing.

Dr Zaharah berkata, sehingga 12 Julai lalu, Asnita yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 5 Mei lalu mencatat jualan melebihi RM55 juta dan merangkumi lebih 70,000 pelabur wanita.

Katanya, jumlah yang ada perlu ditambah dalam tempoh terdekat ke arah memperkukuhkan lagi kedudukan Asnita bagi mengatasi kegawatan ekonomi negara pada masa ini.

"Kita mahu menegaskan bahawa pelaburan Asnita berasaskan simpanan tunai dan bukan melalui pinjaman bank atau mana-mana institusi kewangan di negara.

"Oleh itu, orang ramai, khususnya wanita tidak digalakkan membuat pinjaman semata-mata untuk melabur dalam skim itu.

"Bagaimanapun, masih ada institusi kewangan memberi pinjaman kepada pelanggan yang hendak membuat pelaburan itu. Berdasarkan laporan, sebanyak 90 peratus pelabur kami membuat simpanan tunai," katanya.

Beliau berkata, sambutan menggalakkan di kalangan rakyat Malaysia, khususnya wanita pelbagai lapisan dan peringkat selepas siri kempen berterusan ke seluruh negara, sekali gus akan membantu kerajaan mencapai matlamat untuk menambah kecairan negara dengan lebih berkesan pada masa depan.

Pada masa sekarang, katanya, promosi jelajah di seluruh negara bagi memperkenalkan Asnita sudah memabitkan peringkat daerah.

(END)